

15/10/2000

`Saya bosan menjawab spekulasi mengenai Daim'

KUALA LUMPUR: "Saya sudah bosan menjawab pelbagai spekulasi dan khabar angin mengenai hubungan saya dengan Tun Daim Zainuddin yang dikatakan retak," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sesetengah pihak seolah-olah menunggu Menteri Kewangan itu meletakkan jawatannya, sekali gus mengesahkan khabar angin berkenaan.

"Ia seolah-olah supaya beliau bergaduh dengan saya. Jadi, orang ramai menunggu beliau meletakkan jawatan dan kemudiannya berkata haa...beliau bergaduh dengan saya," kata Dr Mahathir.

Beliau ditanya mengenai sama ada Belanjawan 2001 yang akan dibentang oleh Daim hujung tahun ini adalah yang terakhir sebagai Menteri Kewangan.

Dengan nada marah beliau berkata: "Ini adalah soalan yang tidak langsung untuk bertanya saya bilakah Tun Daim akan meletakkan jawatan.

"Saya fikir anda perlu bertanya kepada beliau sendiri," tegasnya pada sidang akhbar selepas merasmikan Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), di sini, semalam.

Pada sidang akhbar itu, Perdana Menteri juga ditanya mengenai persediaan Malaysia menghadapi sebarang kemungkinan kegawatan ekonomi global, terutama kesan kelemahan pasaran saham di Amerika Syarikat sekarang.

Menurut Dr Mahathir, Malaysia sudah bersedia untuk melakukan tindakan bagi melindungi ekonomi daripada sebarang kesan buruk kegawatan yang melanda dunia.

"Ya, kita sudah bersedia. Malah sekarang anda boleh melihat prestasi bursa saham kita tidak sama dengan bursa saham negara lain di dunia.

"Apabila mereka (bursa saham lain) turun, kita (Bursa Saham Kuala Lumpur- BSKL) naik. Apabila mereka meningkat, kita menurun," tambahnya.

Dr Mahathir mengakui meskipun ekonomi Malaysia tidak mempunyai kaitan rapat dengan faktor itu, ia masih mempunyai hubungan kerana Malaysia sebuah negara ekonomi perdagangan.

"Memang betul, kita berhubung dengan negara lain kerana ekonomi Malaysia banyak bergantung kepada perdagangan eksport. Tapi, kalau nilai perdagangan menurun, kedua-duanya iaitu import dan eksport akan juga turun. Jadi, sampai satu tahap, ia akan seimbang," katanya.

Menurut Perdana Menteri, kesan kegawatan itu boleh dibendung kerana ia banyak bergantung kepada usaha rakyat, termasuk meningkatkan produktiviti.

(END)